Genga Devi a/p Chelliah lwn Santanam a/l Damodaram

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO S4–24–352 TAHUN 1998
RAHMAH HUSSAIN H
11 NOVEMBER 2000

Undang-Undang Pentadbiran *— Bidang kuasa — Mahkamah Sivil — Sama ada mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan perintah yang diberikan oleh Mahkamah Syariah — Sama ada responden mempunyai hak untuk menentukan agama yang dianuti oleh anak beliau — Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1A)*

Pemohon memfailkan saman pemula memohon, antara lain, satu deklarasi bahawa perintah yang diberikan oleh Mahkamah Syariah berkenaan dengan hak penjagaan anak dibatalkan dan tidak sah di sisi undang-undang. Penentang telah membangkitkan suatu bantahan permulaan bahawa permohonan pemohon adalah di luar aturan dan bertentangan dengan aturcara serta undang-undang kerana mahkamah ini tidak diperuntukkan dengan bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Diputuskan, membenarkan bantahan permulaan:

(1) Adalah jelas dari perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan bahawa mahkamah sivil tidak boleh campur tangan dengan perkara-perkara yang melibatkan dan tertakluk di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini adalah kerana kedua-dua mahkamah tersebut mempunyai bidang kuasa yang berlainan di antara satu sama lain (lihat ms 529A).

(2) Penentang adalah bapa kandung anak tersebut dan sebagai bapa kandung, beliau mempunyai hak untuk menentukan anutan agama anaknya. Mahkamah Syariah juga telah bertindak di dalam bidang kuasanya yang eksklusif dengan memberikan hak penjagaan kepada penentang dan mengesahkan pengislaman anak tersebut (lihat ms 529F–G).

[**English summary**

The applicant had filed an originating summons praying, inter alia, for a declaration that the order granted by the Syariah Court in relation to the rights of child custody to be struck off and was invalid. The respondent had raise a preliminary objection that the applicant's application was irregular and contrary to the procedure and law as this court did not provide the jurisdiction to strike out the order granted by the Syariah Court.

Held, allowing the preliminary objection:

(1) It is clear from art 121(1A) of the Federal Constitution that the civil court cannot interfere with matters related and subjected to

A the jurisdiction of the Syariah Court. This is because these two courts each have different jurisdictions (see p 529A).

(2) The respondent was the natural father of the child and as the natural father, he had a right to determine the religion practised by his child. The Syariah Court also had acted within its exclusive jurisdiction by granting the right to custody to the respondent and validating the islaminization of the child (see p 529F–G).]

B

Nota-nota

C Untuk kes-kes mengenai peruntukan bidang kuasa mahkamah sivil, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan 1661.

Kes-kes yang dirujuk

D *Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1998] 1 MLJ 681 (dirujuk)

Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato' Talib [1992] 2 MLJ (dirujuk)

Ng Siew Pian lwn Abd Wahid bin Abu Hassan, Kadi Daerah Bukit Mertajam & satu yang lain [1992] 2 MLJ 425 (dirujuk)

E *Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537 (dirujuk)

Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [1994] 1 MLJ 690 (dirujuk)

Tan Kong Meng v Zainon bte Md Zain & Anor [1995] 3 MLJ 408 (dirujuk)

F *Tan Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 (dirujuk)

Teoh Eng Huat v Kadhi Pasir Mas & Anor [1990] 2 MLJ 300 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1A)

G

R Kandiah (*Mohd Latip & Associates*) bagi pihak pemohon-pemohon.
Akbardin (*Akbardin & Co*) bagi pihak responden.

Rahmah Hussain H. : Dalam saman pemula bertarikh 29 April 1998, relif-relif yang dipohon oleh pemohon adalah:

H (i) bahawa satu deklarasi supaya perintah yang diberikan pada 24 April 1997 oleh Mahkamah Syariah, Daerah Kota Setar dibatalkan dan tidak sah di sisi undang-undang;

(ii) bahawa satu deklarasi bahawa perintah yang bertarikh 24 April 1997 oleh Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar adalah ultra vires dan tidak sah di sisi undang-undang;

I

(iii) bahawa perintah yang diberikan oleh Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar diketepikan; dan

(iv) bahawa perintah dibuat supaya responden memulangkan Sanjev Visshnu a/l Santanam kepada pemohon menurut perintah Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur bertarikh 8 Disember 1994.

Pada permulaan perbicaraan pihak penentang telah membangkitkan suatu bantahan permulaan iaitu bahawa permohonan pemohon adalah di luar aturan dan bertentangan dengan aturcara serta undang-undang kerana mahkamah ini tidak diperuntukkan dengan bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar, Alor Setar pada 24 April 1997 ('perintah tersebut'). Mengikut perintah tersebut hak penjagaan anak (hadhanah) ke atas kanak-kanak bernama Mohd Sazmi bin Mohd Yusoff (dahulu dikenali sebagai Sanjev Visshnu a/l Santanam) ('anak tersebut') diberi kepada penentang.

Dalam hujahannya peguam penentang merujuk kepada beberapa autoriti untuk menyokong bantahannya, iaitu:

(1) *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793;

(2) *Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537;

(3) *Ng Siew Pian lwn Abd Wahid bin Abu Hassan, Kadi Daerah Bukit Mertajam & satu yang lain* [1992] 2 MLJ 425;

(4) *Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1998] 1 MLJ 681;

(5) *Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1994] 1 MLJ 690.

Peguam pemohon pula berhujah bahawa segala autoriti yang dikemukakan oleh pihak penentang tidak berkaitan dengan kes sekarang sebab autoriti-autoriti tersebut adalah berkenaan dengan suami isteri yang beragama Islam dari asal ataupun setelah memeluk agama Islam telah tersilap dan memfailkan permohonan mereka di mahkamah sivil. Lagipun katanya autoriti-autoriti tersebut tidak berkenaan dengan hak jagaan.

Sayugia dijelaskan di sini latar belakang kes ini. Pemohon dan penentang telah berkahwin pada 9 Disember 1987 di Daerah Pendaftaran Perkahwinan Selangor dan Wilayah Persekutuan dan mereka juga merasmikan perkahwinan mereka secara istiadat Hindu pada 22 Mei 1988. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki dari hasil perkahwinan ini yang dilahirkan pada 14 Julai 1990 dan dinamakan Sanjev Visshnu. Semasa pemohon melahirkan anak lelaki tersebut penentang telah meninggalkan kediaman suami/isteri.

Setelah meneliti dan memberi pertimbangan sewajarnya kepada hujahan kedua-dua peguam dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, saya bersetuju dengan bantahan permulaan pihak penentang bahawa permohonan pemohon di kandungan (1) adalah di luar aturan dan bertentangan dengan undang-undang. Oleh yang demikian, permohonan pemohon telah ditolak dengan kos.

Adalah jelas dari perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan bahawa mahkamah sivil tidak boleh campurtangan dengan perkara-perkara yang melibatkan dan tertakluk di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Ini adalah kerana kedua-dua mahkamah tersebut mempunyai bidangkuasa yang berlainan di antara satu sama lain.

Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan (dalam bahasa asalnya) menyatakan:

> The courts referred to in cl 1 shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah Courts.

Sungguhpun dalam kes *Tan Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117, yang dirujuk oleh peguam pemohon, Mahkamah Agung (pada masa itu) telah menyatakan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan penceraian dan relif sampingan daripada pemohon yang bukan beragama Islam di mana salah seorang daripada pihak yang terlibat telah memeluk agama Islam, namun begitu dengan hormatnya saya berpendapat kes yang tersebut adalah berlainan dan tidak relevan di dalam kes sekarang kerana apa yang dinyatakan oleh Mohamed Dzaiddin HMA (pada masa itu) adalah berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah sivil untuk mendengar permohonan perceraian dan relif sampingan yang dipohon oleh seorang bukan Islam, di mana mahkamah sivil memang mempunyai bidang kuasa. Tetapi, hakim yang bijaksana tidak pernah sekali-kali menyatakan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Begitu juga keadaannya dengan kes *Tan Kong Meng v Zainon bte Md Zain & Anor* [1995] 3 MLJ 408, yang dirujuk oleh peguam pemohon. Kes ini pun, pada pendapat saya, tidak relevan kerana dalam kes tersebut Mahkamah Rayuan telah bersetuju dengan keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur iaitu mengenai hak penjagaan seorang anak tak sah taraf, tetapi di dalam kes di hadapan saya, faktanya berlainan kerana penentang di sini adalah bapa kandung anak tersebut (Mohd Sazmi) dan sebagai bapa kandung, beliau mempunyai hak untuk menentukan anutan agama anaknya. Mahkamah Syariah juga telah bertindak di dalam bidang kuasanya yang eksklusif dengan memberikan hak penjagaan kepada penentang dan mengesahkan pengislaman anak tersebut. Kes ini juga tidak menyatakan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Saya juga berpendapat bahawa dua lagi autoriti yang dirujuk oleh peguam pemohon iaitu *Ng Siew Pian v Wahid Bin Abu Hassan* dan *Teoh Eng Huat v Kadhi Pasir Mas & Anor* [1990] 2 MLJ 300 adalah tidak relevan dan tidak terpakai dalam kes sekarang.

Akhir sekali, dalam kes *Nor Kursiah Bte Baharuddin v Shahril Bin Lamin* [1997] 1 MLJ 537, hakim KC Vohrah (di perenggan-perenggan H–I ms 542) telah dengan tepatnya berkata seperti berikut:

> And in any event, this court by virtue of art 121(1A) of the Constitution has no jurisdiction to question an order made in respect of a matter where the

> Syariah High Court, a creature of a written law,.... This court has to accept the Syariah High Court Order as a valid order. This court cannot go behind the order and consequently it has to accept that the custody of the child with the second respondent in the house of the first respondent was not illegal.

Dengan alasan tersebut di atas, saya telah membenarkan bantahan permulaan pihak penentang dan dengan itu menolak permohonan pemohon dengan kos.

Bantahan permulaan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar